



JOM DAFTAR! DAPATKAN VAKSIN ANDA



PERCUMA

16 - 31 MAC, 2021



PENANG
2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Oleh : SUNARTI YUSOFF
Gambar : MUHAMAD AMIR IRSYAD
OMAR & AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru semua penduduk di negeri ini supaya segera mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19.

Beliau berkata, perkara itu penting sebagai langkah menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi menangani penularan pandemik berkaitan di negeri ini.

“Saya menyeru kepada rakyat Pulau Pinang supaya am mendafar di aplikasi MySejahtera atau beberapa k a e d a h pendaftaran lain untuk menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini dan seterusnya menerima suntikan vaksin,” serunya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang dekat Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini pada 28 Februari lalu.

Pada majlis tersebut, Kon Yeow bersama-sama 11 lagi individu terawal menerima suntikan vaksin COVID-19 yang dilakukan oleh Matron Hafizah Hamzah.

Antaranya, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abdul Manan diikuti Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Asmayani Khalib serta enam petugas kesihatan.



KETUA Menteri merakam gambar bersama-sama Matron Hafizah Hamzah (bertudung) sejurus pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



Vaksin COVID-19 Daftar segera!

Mengulas

lanjut, Kon Yeow berharap agar simbolik pelancaran yang diadakan tersebut dapat memberi keyakinan kepada

penduduk di negeri ini untuk menerima suntikan vaksin sebagai usaha menangani penularan pandemik COVID-19.

“Syukur kerana proses suntikan vaksin COVID-19 berjalan dengan lancar tanpa sebarang rasa sakit.

“Bahkan, selepas menunggu selama 15 minit, tekanan darah juga diambil dan ini memberikan pengalaman baru kepada kami semua,” kongsinya.

Tambah beliau, Pulau Pinang telah menerima bekalan vaksin COVID-19 yang pertama sebanyak 16,380 dos baru-baru ini dan lima lagi penghantaran akan tiba bagi menyempurnakan pelaksanaan Fasa 1.

“Justeru, saya amat berharap agar Fasa 1 untuk pasukan barisan

hadapan ini dapat disempurnakan melibatkan 31,000 individu yang akan diberikan suntikan vaksin,” ulasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut mengingatkan semua pihak agar terus kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan walaupun selepas menerima suntikan vaksin.

“Saya amat bersyukur bahawa dalam jangka masa pendek iaitu satu tahun sahaja vaksin dapat diperkenalkan, justeru adalah diharapkan dengan adanya vaksin ini, perang terhadap COVID-19 dapat kita tangani dan seterusnya melangkau ke proses pemulihan,” katanya.

Dalam pada itu, Asmayani memaklumkan bahawa barisan hadapan yang disenaraikan dalam

Fasa 1 adalah terdiri daripada dua kategori iaitu dalam bidang perubatan atau kesihatan, dan satu lagi bukan perubatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta sebagainya.

BEKALAN vaksin yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) pada 21 Februari 2021.



Seramai 1.3 juta daripada 1.78 juta penduduk di negeri ini dijangka akan menerima suntikan vaksin COVID-19 yang bakal dilaksanakan dalam tiga fasa membabitkan tempoh kira-kira setahun.



Vaksin: Agamawan dinasihat berhati-hati beri pandangan

GEORGE TOWN – Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor menasihati para agamawan supaya lebih berhati-hati dalam mengemukakan sebarang pandangan mengenai vaksin COVID-19.

Beliau berkata, sebarang pandangan yang dikemukakan seseorang di luar bidang ilmu dan kepakarannya dikhawatir akan menimbulkan kekeliruan serta salah tanggapan dalam kalangan masyarakat terutamanya orang awam.

“Pihak yang mempunyai kepakaran khusus mengenai vaksin COVID-19 adalah mereka yang berkecimpung dalam bidang perubatan seperti doktor, pengamal perubatan, ahli farmasi dan sebagainya.

“(Dan) seorang agamawan, kita boleh beri pandangan tentang hukum-hakam agama, tetapi ia mestilah berdasarkan kajian terperinci lebih-lebih lagi apabila pandangan adalah berkaitan isu-isu semasa yang kita tidak temui penyelesaian dalam kitab-kitab lama atau klasik.

“Oleh itu, saya suka nasihatkan golongan agamawan supaya berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan dalam bidang yang kita tidak ada ilmu dan kepakarannya mengenainya,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui sejurus majlis penyampaian sumbangan program pengimaran masjid dan Ehya’ Ramadan di sini baru-baru

ini.

Dalam pada itu, Wan Salim memberitahu bahawa semua pihak perlu menerima keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang mengambil ketetapan mengharuskan penggunaan vaksin COVID-19.

“Keputusan ini dicapai melalui muzakarah berdasarkan taklimat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan disokong oleh kajian terperinci oleh pakar-pakar penyelidik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Pihak KKM juga menegaskan bahawa vaksin COVID-19 tidak mengandungi elemen haiwan, dan sekiranya kita mengandaikan vaksin ini terkandung elemen haiwan sekalipun, ia sudah menjadi halal atau bersih daripada najis melalui proses istihalah atau transformasi zat.

“Selain itu, perkara tersebut juga telah ditegaskan oleh beberapa ulama semasa seperti Yusuf al-Qaradawi dan juga lajnah-lajnah fatwa di Mesir, Arab Saudi serta lain-lain,” tegasnya.

Justeru, Wan Salim turut menasihati orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dengan pandangan dikemukakan oleh kumpulan antivaksin yang kebanyakannya tidak mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.



DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Imunisasi: Apa kata mereka?

BULETIN Mutiara berkesempatan mendapatkan pandangan umum mengenai peri pentingnya pengambilan vaksin dalam menyokong usaha kerajaan untuk menangani penularan pandemik COVID-19.

Pekerja swasta, **NURUL NAJWA OTHMAN**, 27, berpandangan bahawa adalah penting untuk semua rakyat di negara ini mengambil suntikan vaksin COVID-19 bagi membantu negara mencapai imuniti kelompok sebagaimana yang disasarkan oleh kerajaan.



NURUL Najwa Othman.

“Imuniti kelompok ini penting untuk membolehkan semua aktiviti ekonomi termasuk sektor pelancongan yang terkesan teruk dek penularan pandemik COVID-19 boleh berjalan seperti biasa sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

“Jika hanya sebahagian sahaja daripada rakyat Malaysia yang mengambil suntikan vaksin COVID-19 ini, matlamat untuk mencapai imuniti kelompok akan gagal dan keadaan ini

menyebabkan kemerosotan ekonomi yang berpanjangan. Keadaan ini tidak baik untuk rakyat.

“Justeru, saya sendiri telah mengambil tanggungjawab mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera dan sudah pun bersedia untuk menerima suntikan pada bila-bila masa sahaja,” ujarnya.



SITI Hajar Abdul Rahim.

Seorang lagi responden, **SITI HAJAR ABDUL RAHIM**, 37, yang merupakan seorang penjawat awam juga bersetuju bahawa adalah penting untuk semua rakyat di negara ini mengambil suntikan vaksin dalam mencegah risiko jangkitan virus COVID-19.

“Pengambilan vaksin adalah sangat penting dalam memastikan diri kita serta orang lain dilindungi daripada risiko jangkitan selain menyokong usaha kerajaan dalam melawan COVID-19.

“Saya harap rakyat Malaysia tidak bersifat pentingkan diri sendiri dengan menolak pengambilan suntikan vaksin ini kerana ia akan menjaskan

banyak pihak.

“Berkenaan impak negatif selepas suntikan vaksin COVID-19 pula, saya kira kita tidak perlu bimbang kerana pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah banyak kali mengulangi jaminan bahawa vaksin yang dibeli kerajaan adalah selamat,” tegasnya.



DR. A. SUJITHRA Devi.

Nada sama turut diutarakan oleh pengarah akademik, **DR. A. SUJITHRA DEVI**, 34, yang menyatakan bahawa vaksinasi merupakan cara paling berkesan untuk melawan jangkitan pandemik COVID-19 daripada terus merebak.

“Suntikan vaksin pada dasarnya akan meningkatkan tindak balas sistem imun badan terhadap jangkitan virus COVID-19 dan seterusnya dapat mengurangkan risiko jangkitan.

“Selain dapat menjaga diri sendiri, suntikan vaksin COVID-19 juga dapat melindungi orang lain dalam komuniti kita sekali gus mengurangkan jangkitan virus ini terhadap

kumpulan berisiko.

“Justeru, saya sendiri telah mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera,” ulasnya yang merupakan seorang Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang bioterapeutik.



ABDUL Wahab Adzmi.

Dalam pada itu, **ABDUL WAHAB ADZMI**, 43, pula berpendapat bahawa kerajaan perlu memperhebatkan lagi kempen mengenai vaksinasi bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19.

“Masih ramai dalam kalangan masyarakat kita tidak mendapat maklumat tepat mengenai pentingnya pengambilan vaksin khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

“Keadaan ini menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang masih percaya bahawa suntikan vaksin akan mendatangkan kesan mudarat serius dan seterusnya menyebabkan (mereka) takut untuk mengambil vaksin COVID-19 ini,” katanya.



YEOH Kee Chai.

Juruaudit, **YEOH KEE CHAI**, 37, walau bagaimanapun menyatakan bahawa beliau masih berasa ragu-ragu untuk menerima suntikan vaksin kerana jaminan keselamatan yang diberikan oleh pihak kerajaan masih belum cukup meyakinkan.

“Saya faham bahawa vaksinasi itu penting untuk kita semua dan saya sedar bahwa negara-negara lain juga sudah memulakan proses vaksinasi mereka.

“Namun, saya menghadapi sedikit dilema mengenai program vaksinasi ini kerana saya masih ragu-ragu untuk divaksin. Saya berharap agar pihak berkusa dapat memberikan jaminan keselamatan kepada rakyat.

“Sebagai contoh, saya mempunyai ibu bapa yang sudah tua untuk dijaga dan saya satu-satunya anak lelaki. Oleh itu, pihak berkusa harus merangka rancangan pampasan sekiranya timbul sebarang masalah selepas pengambilan vaksin COVID-19 ini,” jelasnya.



Usahawan mikro terima set peranti komputer

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

GEORGE TOWN – Seramai 350 usahawan layak telah dikenal pasti bagi menerima set peranti komputer secara berfasa di bawah Skim Perintis Program Usahawan Mikro Go Digital.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif tambahan itu menyasarkan usahawan mikro yang terjejas akibat impak pandemik COVID-19 dengan membabitkan peruntukan keseluruhan RM320,950.

“Pandemik COVID-19 telah mengubah tuntutan dan kehendak *trend* perniagaan serta membataskan aktiviti perniagaan secara fizikal sekali gus melekaskan proses pendigitalan di seluruh dunia.

“Justeru, 350 set peranti komputer yang disediakan ini dapat memudahkan urusan transaksi perniagaan secara digital dan adalah diharapkan agar para usahawan mikro dapat merebut peluang besar ini untuk meningkat serta melonjakkan aktiviti perniagaan masing-masing,” katanya pada sidang media bersempena majlis sumbangan yang diadakan khas di sini 16 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Chong Eng (Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam) dan Dato’ Mohd. Bazid Abd. Kahar (Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

Sebagai simbolik, tiga usahawan mikro telah dijemput untuk menerima set peranti komputer pada majlis penyerahan berkaitan,



KETUA MENTERI bersama-sama Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) dan Chong Eng (kiri sekali) menyampaikan peranti komputer kepada salah seorang usahawan di bawah Skim Perintis Program Usahawan Mikro Go Digital pada majlis khas yang diadakan dekat sini baru-baru ini.

manakala, baki pengagihan akan dilakukan secara berperingkat yang mana setiap sesi bakal melibatkan 10 penerima sehingga selesai pemberian keseluruhan 350 unit set peranti komputer dalam tempoh terdekat.

Bercakap pada sidang media sama, Abdul Halim memberitahu bahawa pemberian bantuan tambahan berkenaan adalah di

bawah inisiatif Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Usahawan lanjutan daripada program sebelum ini yang berjaya memanfaatkan 1,300 usahawan.

“Sebanyak 1,808 borang permohonan telah diterima oleh PDC selaku sekretariat bagi skim ini.

“Justeru, susulan set peranti yang terhad,

pihak PDC akan melakukan pemilihan berdasarkan enam kategori dikenal pasti merangkumi produk, perniagaan dalam talian, pakaian, makanan dan minuman, runcit serta perkhidmatan dan keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah menghadiri kursus di bawah MMK Pembangunan Usahawan sebelum ini,” ulasnya.

Apa kata penerima:



NUR AIMI RAZAK.

Bagi salah seorang penerima set peranti komputer fasa pertama baru-baru ini, **NUR AIMI RAZAK**, 29, secara peribadinya menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana menjadi salah seorang peserta yang terpilih daripada 1,808 permohonan diterima pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejak program berkaitan dilancarkan baru-baru ini.

“InsyaAllah kami akan memanfaatkan penggunaan komputer yang diberi ini dengan sebaik mungkin memandangkan aktiviti jualan pada musim pandemik kini banyak dijual secara digital (*online*).

“Banyak manfaat daripada penggunaan peranti komputer percuma ini... salah satunya, ia mampu memberi kemudahan secara total kepada peniaga bagi meningkatkan hasil jualan secara maya dan merangka strategi pemasaran bersesuaian dengan zaman pendigitalan ini.

“Oleh itu, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri, khasnya Dato’ Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan) serta PDC atas sumbangan ini,” ujarnya yang mengusahakan perniagaan perkongsian bersama ibunya sejak 2017 di bawah jenama FnC Kola Enterprise.

Memfokuskan penghasilan produk makanan berdasarkan

kelapa, sehingga kini, usahawan muda berkaitan telah mengeluarkan beberapa produk makanan seperti dodol berperisa asli, pandan dan durian, pes perencah rendang pedas, rendang tok, rendang hitam serta kuah kacang segera.

Selain jualan langsung yang dijalankan di Gerai Perda Kuala Sungai Pinang dekat Balik Pulau, Nur Aimi juga turut mempromosikan jualannya melalui platform *Facebook* di bawah jenama Dodol Penang by FnC Kola, *Instagram* (dodol_penang) dan *Shopee* (FnCK).

Pemilik GChin Enterprise, **CHIN JIA YI**, 29, pula menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil inisiatif tambahan bagi membantu golongan usahawan mikro menjalankan perniagaan secara digital.

Beliau yang mengusahakan perniagaan *Three Tiers Ice Cream* di bawah GChin Enterprise menyifatkan pemberian tersebut sebagai dorongan yang tiba tepat pada masanya bagi usahawan kecil seperti memandangkan peranti digital adalah penting mempromosikan



CHIN JIA YI.

perniagaan kini.

“Dengan adanya peranti digital ini, ia akan membolehkan usahawan kecil memiliki kelebihan untuk mengendalikan perniagaan secara dalam talian.

“Ia adalah ‘batu loncatan’ untuk mengembangkan lagi perniagaan saya dengan meluaskan khalayak pembeli menerusi dalam talian sebagaimana yang dilakukan oleh saya kini iaitu mempromosikan perniagaan melalui pelbagai medium media sosial,” ujarnya yang menjalankan perniagaan sejak 2019.

Nada sama turut dizahirkan oleh pemilik perniagaan Rezki

Barokah Maju Enterprise, **AZIRAH CHE PA**, 49, yang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memberikan bantuan set peranti komputer yang sangat diperlukan ketika ini.

“Dengan peranti ini, saya dapat memfokuskan perniagaan dalam talian dengan lebih berkesan melalui penggunaan platform e-dagang seperti *Shopee* dan *Lazada* untuk memasarkan produk saya iaitu tudung dan telekung sembahyang.

“Selain itu, saya juga dapat menggunakan platform *Facebook* untuk meningkatkan hasil jualan.

“Dengan adanya set peranti komputer ini, ia akan memudahkan saya untuk mencatat sebarang transaksi hasil jualan secara langsung melalui komputer kerana sebelum ini saya hanya mencatat hasil jualan secara manual menggunakan buku,” ulasnya yang telah menjalankan perniagaan selama lapan tahun.

(Sambungan di muka 4).



'First Support Point' bantu tangani keganasan rumah tangga

GEORGE TOWN - Mungkin pertama di Malaysia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui Pakatan Harapan baru-baru ini menyerahkan watikah pelantikan 'First Support Point' kepada 29 wakil Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan lapan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) demi menangani serta membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

Menerusi sesi telesidang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa berucap antara lain berkata bahawa dengan adanya sistem sokongan yang lebih sistematik itu, adalah diharapkan ia terus memberi perlindungan serta membasi keperilaku tidak sihat sekali gus mewujudkan persekitaran keluarga serta masyarakat yang lebih harmoni.

"Kerajaan Negeri telah mewujudkan 'First Support Point' iaitu usaha *triparte* antara pihak Kerajaan, komuniti akar umbi dan NGO.

"Peranan 'First Support Point' adalah untuk menyalurkan kes-kes keganasan rumah tangga kepada agensi yang bersesuaian secara sistematik," jelasnya sebelum menyempurnakan gimik penyampaian watikah inisiatif berkenaan di sini pada 20 Februari 2021.

Turut hadir, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Exco

Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Pulau Pinang sekitar bulan Oktober 2020 sekali lagi mendahului negeri-negeri lain dengan memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat, ekoran peningkatan kes keganasan rumah tangga yang terjadi sejak pelaksanaan 'Perintah Kawalan Pergerakan' (PKP) pada bulan Mac tahun sama.

"Contohnya, panggilan *hotline* kepada Pusat Kesedaran Wanita (WCC) telah meningkat sebanyak 267 peratus dari minggu pertama ke minggu kedua PKP.

"Menurut laporan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada April 2020, terdapat 343 kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di Pulau Pinang, berbanding 226 kes (dalam tempoh sama) pada tahun 2019," ujarnya lagi yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Di samping itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan atas kejayaan penganjuran Bengkel Dasar Keluarga Selamat pada tahun lepas demi melatih ejen 'First Support Point' dalam kalangan pegawai kerajaan, pegawai seranta serta wakil NGO.

Dengan sempurnanya acara penyampaian watikah 'First Support Point' secara dalam talian, sekali gus merealisasikan salah satu Visi Penang2030 iaitu Kerajaan Negeri bertekad untuk membina suatu ekosistem yang selamat untuk semua anggota keluarga di negeri ini melalui suatu sistem khidmat sokongan di peringkat akar umbi.

Sumbangan peranti harap dimanfaatkan

PADANG KOTA - Hampir 1,000 pelajar di negeri ini telah menerima manfaat hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Program Komputer e-Pembelajaran yang dilancarkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin menyumbang sama ada peranti komputer atau gajet mudah alih bagi keperluan proses pengajaran dan pembelajaran secara digital kini.

Menurut beliau, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara kini telah mempercepatkan lagi penerimaan masyarakat terhadap digitalisasi dalam urusan harian termasuk proses pengajaran serta pembelajaran secara maya.

"Dalam rutin normal baharu kini, bukan sahaja proses pembelajaran dilaksanakan secara maya malah turut melibatkan urusan-urusan lain, misalnya transaksi pembayaran secara dalam talian," ujarnya pada majlis penyerahan peranti mudah alih (*tablet*) di Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota dekat Jalan Arratoon di sini pada 20 Februari 2021.

Hadir sama, Pengarah Urusan Syarikat Prominent Sound Sdn. Bhd., Khaw Lay Ne bersama-sama Penasihat Undang-Undang syarikat berkaitan, Lim Choo Hooi selaku penyumbang serta Pegawai Khas Parlimen Padang Kota, Lau Keng Ee.

Sebagai rekod, syarikat berkenaan telah menyumbang sebanyak 20 komputer riba pada awal Januari lalu untuk diberikan kepada pelajar daripada keluarga kurang berasib baik dan berpendapatan rendah (B40) di negeri ini.

Dalam sidang media sama, Kon Yeow memberitahu bahawa 44 unit peranti mudah alih yang disumbangkan oleh syarikat berkenaan akan diberikan kepada pelajar terpilih daripada keluarga B40 dalam KADUN Padang Kota secara pinjaman.

"Saya berharap pelajar yang menerima peranti ini akan memanfaatkan sepenuhnya serta menyesuaikan diri dengan digitalisasi," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada Syarikat Prominent Sound Sdn. Bhd..

Dalam pada itu, Choo Hooi ketika ditemui menyatakan bahawa pandemik COVID-19 memberi banyak cabaran kepada semua pihak terutama mereka dalam kelompok B40.

"Pihak kami memahami bahawa terdapat sesetengah pelajar yang tidak mempunyai peluang untuk mempelajari penggunaan teknologi terkini.

"(Dan) atas dasar itu, pihak kami berhasrat untuk tampil membantu pelajar-pelajar ini," jelasnya.

(Sambungan dari muka 3).

Sumbangan keperluan promosi produk

Ketika dihubungi Buletin Mutiara, **P. KALAI ALEXANDER**, 41, memberitahu bahawa perniagaan perusahaan sandwic dalam talian yang diusahakannya mampu bertahan sehingga kini ekoran permintaan menggalakkan.

Menurut beliau, penggunaan peranti komputer dan pemasaran kaedah digital merupakan keperluan utama kepadaannya untuk mempromosikan produk secara dalam talian pada tempoh penularan pandemik COVID-19.

"Selama ini, saya menggunakan peranti mudah alih sejak menjalankan perniagaan dalam talian, maka set peranti komputer yang diberikan ini pastinya akan meningkatkan aliran perniagaan saya kelak."

"Serentak itu, ia juga bakal memudahkan saya untuk membuat reka bentuk (promosi) baharu pemasaran perniagaan memandangkan ciri (komputer) adalah lebih mesra pengguna serta sesuai untuk semua orang," kata pengendali pemasaran *Gajavel Food & Beverages* (F&B) tersebut.

Bagi **MAJIDA IBRAHIM**, 52, yang menjual karipap pusing sejuk beku memberitahu bahawa

set peranti komputer yang diterima berkenaan dapat membantu beliau untuk menyesuaikan diri dengan normal baru.

"Dengan menggunakan peranti komputer ini, saya dapat mempelajari perkara baru dan akan meningkatkan kemampuan saya untuk menguasai pengetahuan digital sekali gus membuka peluang yang lebih besar bagi pemasaran produk saya."

"Selain itu, ia juga dapat membantu saya menyusun semula perniagaan dengan lebih memfokuskan kepada platform digital."

"Justeru, saya berharap agar sumbangan ini dapat membantu meningkatkan pendapatan saya dalam perniagaan yang kini terjejas kerana penularan pandemik COVID-19," katanya yang telah berkecimpung dalam bidang perniagaan selama lebih 14 tahun.



P. Kalai Alexander.



Majida Ibrahim.



PPR, cadangan tapak telah dikemukakan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri berharap lebih banyak projek Program Perumahan Rakyat (PPR) dibina di Pulau Pinang bagi menampung keperluan masa kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kini hanya terdapat 999 unit PPR membabitkan empat lokasi di seluruh negeri Pulau Pinang, dan jumlah tersebut hanya picisan iaitu 0.87 peratus daripada keseluruhan 114,652 unit program berkenaan bagi seluruh negara.

"Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah mengemukakan cadangan tapak dengan keluasan 72.3 ekar untuk penyediaan PPR di negeri ini.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) mohon agar Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) dapat mempertimbangkan cadangan-cadangan tapak yang telah dikemukakan Kerajaan Negeri bagi tujuan serta maksud tersebut, memandangkan sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan 14,000 unit PPR dalam Belanjawan 2021," ujarnya pada sidang media di sini 19 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; 'Ainul Fadhilah Samsudi (Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, LPNPP) dan Datuk Toh Chin Leong (mantan Pengurus Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan, REHDA).

Dalam isu berasingan, Kon Yeow turut berharap supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyalurkan bantuan serta mempertimbangkan permohonan peruntukan bagi tahun 2021 di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM).

"Sejumlah RM1.2 bilion telah

diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan perumahan selesa dan berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah, daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM125 juta telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah serta sederhana rendah.

"Justeru, (Kerajaan) Persekutuan diharap menyalurkan bantuan ini agar Pulau Pinang dapat mempertimbangkan permohonan terhadap penyaluran peruntukan bagi tahun 2021 di bawah PPP bagi penyelenggaraan Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak RM21,110,000 dan penyelenggaraan perumahan swasta yang layak di bawah TPPM berjumlah RM65,830,100," ulasnya.

Sebelum itu, pada sidang media sama, Kon Yeow memaklumkan bahawa LPNPP yang telah beroperasi secara rasminya pada 1 Januari 2021 akan meneruskan semua bidang kuasa Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Ini termasuk penawaran rumah mampu milik (RMM), rumah sewa-beli, Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN)/PPR dan juga pengurusan serta penyelenggaraan perumahan awam dan swasta yang layak," jelasnya.

Difahamkan sehingga kini, 113,690 unit RMM telah dikenal pasti dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sementara itu, Jagdeep memberitahu bahawa hala tuju LPNPP adalah demi membantu rakyat untuk akses kepada RMM.

"Banyak isu perumahan yang perlu diintegrasikan dan di negeri Pulau Pinang... kita akan meneruskan keutamaan untuk membekalkan perumahan mampu milik hingga mencapai sasaran 220,000 menjelang tahun 2030," katanya sambil menegaskan bahawa isu perumahan terutamanya PPR adalah tidak seharusnya dipolitikkan.

RM1.251 juta, aktiviti pengimaranan masjid dan Ehya' Ramadan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM1.251 juta bagi program pengimaranan masjid-masjid dan sumbangan Ehya' Ramadan pada tahun 2021.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman kepada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Mohd. Zakuan Zakaria di sini 22 Februari lalu.

Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM1 juta dikhususkan bagi program pengimaranan Masjid Negeri dan semua Masjid Daerah di negeri ini manakala RM251,000 adalah untuk sumbangan Ehya' Ramadan.

Tambah beliau, program pengimaranan masjid akan meliputi enam masjid utama iaitu Masjid Negeri (RM510,000); Masjid Abdullah Fahim (RM130,000) dan semua Masjid Daerah iaitu Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan yang mana masing-masing menerima RM90,000.

"Peruntukan ini dimulakan sejak tahun 2009 lagi yang bertujuan memberikan ruang dan keselesaan untuk Masjid Negeri dan Masjid Daerah dalam menyediakan program serta aktiviti kepada jemaah dengan sebaiknya.

"Selain itu, peruntukan ini juga boleh digunakan untuk pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid, bantuan rezeki kepada keluarga terputus bekalan makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta program sanitasi COVID-19 dan lain-lain lagi," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerksaan Komuniti.

Turut hadir, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor serta wakil-wakil JHEAIPP.

Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa program pengimaranan masjid bukan hanya tertumpu kepada masjid utama di bawah pentadbiran JHEAIPP semata-mata tetapi turut meliputi pemerkasaan peranan masjid kariah dan juga surau.

"Sebanyak 208 kariah masjid di seluruh negeri Pulau Pinang tidak termasuk enam masjid utama di bawah pentadbiran JHEAIPP yang kesemuanya merupakan masjid mendirikan solat Jumaat setiap minggu," ujarnya.

Bagi sumbangan Ehya' Ramadan pula, Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa peruntukan yang disediakan adalah meliputi semua masjid termasuk Masjid Negeri, Masjid Daerah, Masjid Kariah, Masjid Ghaira Jamek serta Surau Jumaat Khas.

"Bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadan Al-Mubarak akan datang ini, Kerajaan Negeri menyediakan sedikit sumbangan untuk disalurkan kepada masjid-masjid di seluruh negeri dengan kos RM251,000.

"Walau bagaimanapun, sumbangan ini tidak termasuk surau solat Jumaat sementara dalam tempoh PKP tetapi pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan cuba mempertimbangkan untuk menyalurkan sumbangan Ramadan melalui peruntukan Zakat Pulau Pinang (ZPP)," katanya.

Pasca COVID-19, peminjam mikro kredit peroleh bantuan 'one-off'

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Seramai 812 peniaga kecil aktif di bawah Skim Pinjaman Harapan (SPH) bakal menerima sumbangan bantuan secara 'one-off' sejumlah RM730,800 atau RM900 seorang mulai pertengahan Februari 2021.

Bercakap kepada pemberita, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa sumbangan itu akan disalurkan melalui kaedah bayaran terus ke akaun (EFT) para penerima yang layak.

"Bantuan khas ini adalah bertujuan meringankan bebanan kewangan usahawan-usahawan yang telah menerima pinjaman SPH sebelum ini dalam meneruskan operasi perniagaan masing-masing," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerksaan Komuniti pada sidang media di sini 19 Februari 2021.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Aziz Bakar turut serta sidang media tersebut.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, SPH atau sebelum ini dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) merupakan tabung pinjaman mikro kredit yang ditubuhkan pada tahun 2009 serta diuruskan oleh PDC demi membantu usahawan mikro dan penjaja kecil mengembangkan prospek perniagaan mereka.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan), Abdul Halim Hussain (kanan sekali) dan dif-dif jemputan merakam kenangan dengan barisan penerima sejurus majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Sehingga Disember 2020, beliau memberitahu bahawa SPH disertai oleh 3,634 orang dengan jumlah pinjaman mikro kredit keseluruhan adalah kira-kira RM20.14 juta.

"Daripada 3,634 peserta SPH, 812 individu yang menerima bantuan 'one-off' RM900 adalah peserta yang aktif dengan skim pinjaman mikro kredit Kerajaan Negeri," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang penerima, **MOHAMMAD JAMALULAIL ABDUL RAHMAN**, 44, yang ditemui kemudian menyifatkan pengumuman Ahmad Zakiyuddin itu sebagai simbol penghargaan kepada para usahawan mikro SPH yang aktif berurusan dengan Kerajaan Negeri dan PDC.

(Bersambung di muka 14).



Terbaik dunia, tekad jadi juruaudit

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADUN

BATU MAUNG – Fokus terhadap pengajian dan kerap mengadakan diskusi bersama-sama rakan adalah resipi kejayaan Fatin Najwa Azman, 22, dari Batu Maung di sini yang berjaya tersenarai antara 10 terbaik dunia dalam peperiksaan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan Certified Accounting Technician (CAT) Disember tahun lalu.

Penuntut Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) tersebut berkata bahawa beliau tidak menyangka akan memperoleh keputusan cemerlang ekoran peperiksaan tersebut adalah paling mencabar di dunia.

Sebaliknya, beliau menjelaskan bahawa tiada cara khusus atau rahsia bagi kejayaan dikecapinya.

“Ekoran ia amat mencabar di peringkat dunia, saya berkeinginan untuk mencubanya.

“Saya sudah menghabiskan sembilan daripada keseluruhan 13 peperiksaan kesemuanya,” jelasnya ketika ditemui di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung di sini 11 Februari lalu.

Terdahulu, Fatin Najwa sambil ditemani ayahnya, Azman Omar, 55, hadir bagi menerima sumbangan daripada ADUN Batu Maung yang juga Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’



FATIN Najwa Azman (kanan sekali) dan bapanya memerhatikan telefon pintar yang disumbangkan oleh Abdul Halim Hussain (tengah) hasil pencapaian cemerlang beliau dalam bidang akademik baru-baru ini.

Abdul Halim Hussain yang berupa telefon pintar dan wang tunai RM1,000 atas kejayaan beliau.

Anak kedua daripada tiga beradik tersebut yang juga merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi bercita-cita untuk menjadi seorang juruaudit kelak.

“Selepas tamat pengajian, saya bercadang untuk meneroka bidang pekerjaan terlebih dahulu sebelum berhasrat menyambung pengajian di peringkat tertinggi.

“Untuk penuntut khususnya pelajar sekolah, jangan berputus asa meskipun menghadapi cabaran belajar masa kini, biar lama asalkan kejayaan dapat dikecap,”

nasihatnya yang kini turut sama menjalani pembelajaran secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Melalui laporan akhbar tempatan, selain Fatin Najwa, Putera Aiman Abdul Rashid daripada fakulti sama turut diumumkan antara yang tersenarai dalam 10 individu terbaik dunia bagi peperiksaan ACCA dan CAT yang mana Fatin Najwa memperoleh tempat pertama di Malaysia dan kesembilan dunia bagi peperiksaan ACCA, manakala Putera Aiman memperoleh tempat pertama dan kedua dunia bagi peperiksaan Maintaining Financial Records (FA2).

Dalam pada itu, pada majlis sumbangan berasingan, Abdul Halim turut menyumbangkan 15 peranti mudah alih (tablet) kepada pelajar-pelajar daripada golongan B40.

“Sebanyak 15 tablet yang disumbangkan oleh dua individu berasingan bernilai RM12,000 akan diagihkan kepada 15 pelajar B40 terpilih sebagai bantuan untuk pembelajaran dalam talian.

“Sebelum ini, pusat khidmat saya juga telah menyerahkan 25 set peranti komputer refurbished kepada pelajar-pelajar daripada golongan B40 yang memerlukan.

“Serentak itu, saya juga mengalau-alukan sumbangan berbentuk telefon pintar, peranti mudah alih, komputer mahupun komputer riba demi keperluan serta kegunaan pelajar-pelajar perlu,” serunya.

Naik taraf struktur jambatan harap selesa masalah banjir

BAYAN LEPAS – Jambatan yang merentangi Sungai Teluk Kumbar dekat Jalan Gertak Sanggul ditutup sepenuhnya selama enam bulan bermula 1 Mei 2021 untuk kerja-kerja penarafan struktur sedia ada.

Sepanjang tempoh penutupan jambatan tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz berkata bahawa para pengguna jalan raya dinasihat supaya menggunakan Jalan Kampung Masjid, Lintang Kampung Masjid, Tingkat Teluk Kumbar dan Tingkat Teluk Kumbar 1 sebagai jalan alternatif.

“Jambatan sedia ada adalah sempit dan menyukarkan laluan air keluar ketika hujan lebat dan ia (struktur sedia ada) akan dinaik taraf kepada 12 meter (m) panjang dan 12m lebar dengan kos RM2,046,306.42.

“Demi keselamatan awam, jambatan Jalan Gertak Sanggul di sini akan ditutup sepenuhnya bermula 1 Mei hingga 8 September 2021,” jelasnya pada sidang media dekat lokasi di sini 19 Februari 2021.

Turut serta, Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim; Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Barat Daya, Wan Eika Tansukasih Che Daud.

Selain itu, Azrul Mahathir turut menjelaskan mengenai tahap perkembangan projek pembinaan tiga rumah pam baharu bernilai RM7,963,210 di sini.

Menurut beliau, struktur projek baharu tersebut kini siap sepenuhnya dan cuma menunggu kerja-kerja pemasangan pam yang dijangka bermula 5 hingga 26 April depan.



AZRUL Mahathir Aziz.

“Pembinaan pam baharu berkapasiti sembilan meter padu sesaat berserta pintu kawalan (limpahan air) memberi manfaat kepada kira-kira 21,800 penduduk Kampung Nelayan, Kampung Suluk, Kampung Matahari Naik serta kawasan perumahan setempat dengan penyelesaian 80 peratus masalah banjir.

“Sebagai wakil rakyat di sini, kalau boleh, saya pun tidak mahu lagi kawasan ini terdedah kepada (risiko) banjir.

“Kita (sebagai wakil rakyat penyokong Kerajaan Negeri) memang memberi komitmen terbaik untuk atasi isu ini,” ulasnya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Azrul Mahathir memberitahu bahawa tahap kemajuan fizikal kini adalah 68 peratus berbanding jadual asal (53 peratus pada 16 Februari 2021).

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH/CUKAI PETAK?

1. Cara Pembayaran

- Kaunter Pejabat Daerah & Tanah
 - tunai
 - kad kredit / kad debit
 - cek/kiriman wang/kiriman wang pos dibayar atas nama “Pentadbir Tanah Daerah”
- Bayaran atas talian (online payment) – etanah.penang.gov.my
 - caj perkhidmatan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% bagi setiap transaksi

2. Pengemaskinian Nama, Alamat surat-menyerah di Bil

- Sistem PTGBil (atas talian) - etanah.penang.gov.my
- Borang NA(2) - diperolehi di Kaunter Hasil Pejabat Daerah & Tanah/ Pejabat Tanah & Galian
- Di bahagian belakang bil cukai tanah/cukai petak

3. Cara Semak Akaun Cukai

- Semakan atas talian (online payment) – etanah.penang.gov.my
 - (dengan menggunakan NO KP / POLIS / TENTERA / NO. SYARIKAT)

4. Pertanyaan

- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara - 04-577 6500 / 04-577 6618
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah - 04-548 8888 / 04-548 8915
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan - 04-585 7800 / 04-585 7851
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut - 04-650 5344 / 04-650 5290
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Barat Daya - 04-868 9400 / 04-868 9455
- Pejabat Tanah dan Galian - 04-650 5849 / 04-650 5847

PEMAKLUMAN

RALAT: CAJ PERKHIDMATAN BAGI PEMBAYARAN ATAS TALIAN DI BIL CUKAI 2021

Caj perkhidmatan bagi pembayaran Cukai Tanah/Cukai Petak secara atas talian di ebayar.penang.gov.my akan dikenakan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% untuk setiap transaksi.

Sila abaikan ralat pada pernyataan “Caj perkhidmatan bagi kad debit dan kad kredit adalah 1.00% bagi setiap transaksi pembayaran cukai secara atas talian” yang tertera di belakang bil cukai Tahun 2021.



Vaksinasi, penentu pemulihan industri pelancongan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

INDUSTRI pelancongan yang dahulunya menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara kini seolah-olah lumpuh dek penularan pandemik COVID-19 yang melanda sejak awal tahun 2020.

Berbanding serangan wabak lain seperti Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV), *Influenza A* (H1N1), COVID-19 ternyata telah meletakkan industri pelancongan pada tahap terburuk dalam abad ini.

Kedua-dua bertambah buruk apabila Kerajaan Persekutuan mengumumkan penutupan pintu sempadan antarabangsa sejak 18 Mac 2020 selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Di Pulau Pinang, kesan terhadap sektor pelancongan juga amat ketara apabila kebanyakan pemain-pemain industri berkaitan kini berdepan masalah kewangan yang sangat dahsyat.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN** untuk mengetahui usaha terkini Kerajaan Negeri dalam mengembalikan kegemilangan industri pelancongan negeri.

Memulakan bicara, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong menyatakan bahawa sektor pelancongan Pulau Pinang bertambah parah apabila Kerajaan Persekutuan mengumumkan semula pelaksanaan PKP 2.0 pada 13 Januari lalu.

Menurut Soon Hin, tugas mencabar di hadapannya kini telah memaksa beliau bekerja lebih keras dengan mengadakan pelbagai sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan untuk mencari solusi terbaik dalam memastikan pemain industri pelancongan mampu bertahan.

"Seperti kita lihat banyak hotel, agensi pelancongan dan perniagaan berkaitan pelancongan terpaksa ditutup. Begitu juga sektor hospitaliti yang kini berada dalam keadaan paling teruk terjejas."

"Bukan sahaja di Malaysia, bahkan banyak juga hotel di negara-negara lain seperti Thailand dan Hong Kong berdepan masalah sama."

"Mereka juga berada dalam dilema, sama ada mahu menutup atau meneruskan operasi yang mana jika diteruskan mereka terpaksa menanggung kerugian setiap hari sedangkan mahu menutup operasi juga bukanlah keputusan yang mudah," katanya.

Soon Hin berkata bahawa keberkesanan program vaksinasi COVID-19 yang dimulakan Kerajaan Persekutuan sejak 24 Februari lalu akan menjadi penentu kepada pemulihan industri pelancongan negara termasuk di Pulau Pinang.

"Sekarang, kita masih menunggu untuk melihat keberkesanan program vaksinasi. Ini kerana di beberapa negara, walaupun sudah menjalani program vaksinasi tetapi kegiatan pelancongan mereka masih lagi perlana seperti di Australia dan lain-lain. "Selagi virus tidak dapat dibendung dan kes COVID-19 masih meningkat, ia pasti akan menghalang proses pemulihan sektor pelancongan," tegasnya.

Inisiatif Kerajaan Negeri

Mengulas lanjut, Soon Hin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memperkenalkan Skim Peka 2.1 iaitu pinjaman tanpa faedah bagi membantu merangsang semula industri pelancongan negeri.

"Bantuan pinjaman ini adalah kesinambungan daripada Skim Peka yang dilancarkan pada tahun lepas untuk membantu pengusaha yang terlibat dengan sektor pelancongan."

"Bagaimanapun, kami tidak fikir bantuan sekali sahaja sudah mencukupi kerana ini bukanlah penyelesaian jangka masa panjang memandangkan pandemik COVID-19 tidak dapat dipastikan



YEOH Soon Hin.

bilakah ia akan berakhir.

"Bagi beberapa hotel besar, jumlah perbelanjaan mereka mungkin mencecah sehingga RM1 juta sebulan manakala hotel-hotel yang lebih kecil pula memerlukan sekurang-kurangnya RM100,000 sebulan untuk kos operasi termasuk bayaran gaji pekerja mereka," ulasnya lanjut.

Walau bagaimanapun, Soon Hin menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang memperuntukkan RM10 juta bagi membantu usahawan serta perniagaan kecil melalui pinjaman tanpa faedah.

"Justeru, pihak-pihak yang layak bolehlah memohon pinjaman maksimum RM50,000 melalui skim ini untuk meringankan beban perniagaan masing-masing."

"Bagi peminjam yang mengambil pinjaman Skim Peka 2.0, mereka sepatutnya mula membayar balik mulai Februari 2021, tetapi saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri agar memberikan tempoh moratorium selama enam bulan lagi kepada mereka," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa pada Januari lalu, Kerajaan Negeri telah melancarkan satu lagi pinjaman tanpa faedah melalui Skim Industri Ekonomi Kreatif (*Creative Leap Loan*) dengan peruntukan dana RM4 juta.

"Pinjaman ini terbuka kepada semua pemain industri kreatif termasuk filem, televisyen, pengiklanan, mereka bentuk, animasi, kandungan digital, kraftangan, seni visual, persembahan, penulisan kreatif, fesyen, tekstil, muzium, arkib, dan juga pemuliharaan dan pemuliharaan warisan."

"Mereka yang terlibat dalam industri seni atau industri kreatif digalakkan untuk memohon pinjaman maksimum RM20,000 tanpa dikenakan sebarang faedah," serunya.

Kempen *Experience Penang*

Tambah Soon Hin, tahun 2020 sepatutnya menjadi tahun yang gemilang buat industri pelancongan negeri sekiranya tidak berlaku penularan pandemik COVID-19.

Menurut beliau, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan kempen *Experience Penang* yang sepatutnya dimulakan pada tahun 2020 sempena Tahun Melawat Malaysia.

"Kita menjangkakan berlaku ledakan dalam sektor pelancongan melalui kempen ini memandangkan banyak laluan penerbangan baru telah merancang untuk memulakan penerbangan terus ke Pulau Pinang."

"Beberapa syarikat penerbangan juga telah mengesahkan bahawa mereka akan melakukan penerbangan terus ke Pulau Pinang sebelum pandemik berlaku. Oleh itu, kita bercadang untuk meneruskan slogan ini selepas pandemik berakhir nanti," katanya.

Soon Hin menyatakan bahawa berdasarkan penelitian Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) mendapati sektor pelancongan memerlukan satu hingga dua tahun untuk pulih.

"Saya percaya bahawa musim bunga pasti akan tiba selepas ribut berlalu dan mungkin menjelang 2023, kita akan pulih."

"(Dan) sesiapa sahaja mampu bertahan dalam masa mencabar ini, saya yakin bahawa mereka akan menjadi lebih kuat atau lebih maju pada masa hadapan," ujarnya.

Justeru, Soon Hin menasihati para pemain industri pelancongan agar sentiasa berfikir di luar kotak untuk mengembangkan perniagaan masing-masing terutamanya dalam tempoh yang mencabar ini.

"Mereka mesti keluar dengan idea yang lebih kreatif serta inovatif untuk mengekalkan perniagaan masing-masing selain perlu berganding bahu untuk mengatasi krisis ini."

"Semua pihak harus bertanggungjawab untuk menjaga dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) agar industri pelancongan dapat dipulihkan sekali gus memberikan keyakinan kepada pemegang taruh dan para pelancong," tegasnya.

Mengakhiri bicara, Soon Hin sekali lagi mengulangi komitmen Kerajaan Negeri untuk berusaha membantu memulihkan sektor pelancongan negeri yang merupakan antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri.

"Selain itu, pelancongan juga merupakan aset penting untuk mempromosikan toleransi serta perpaduan melalui kepelbagaian."

"Sebab itulah, kita (Kerajaan Negeri) melancarkan konsep pelancongan bertanggungjawab kerana kita mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi percutian yang selamat dan bertanggungjawab bagi pelancong," ujarnya.



Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1, manfaat 22,871 golongan terjejas

Teks & Gambar :
ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui Pakatan Harapan pada 19 November 2020 sekali lagi mengumumkan bantuan kewangan demi membela rakyat yang terjejas dek pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0) di negeri ini.

Diberi nama Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sejumlah RM8,412,924 dana negeri telah pun diluluskan, serta akan memberi manfaat kepada kira-kira 22,871 penerima termasuk dalam sektor industri terpilih.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 yang diluluskan pada 21 Januari lepas dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta telah memperincikan kepada lima kumpulan sasaran penerima.

"Menerusi pakej bantuan kewangan terbaru ini, 19 golongan serta institusi paling terkesan akan mendapat bantuan khas kewangan (BKK) secara 'one-off' atau pun geran kewangan dengan implikasi sejumlah RM8.41 juta.

"Kerajaan Negeri sedar bahawa pembukaan semula ekonomi tidak bermaksud ekonomi akan pulih seperti sediakala. Justeru, sumbangan bantuan menumpukan golongan paling terkesan ini adalah bagi meneruskan usaha memperkuuhkan ekonomi negeri Pulau Pinang dengan mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula, meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

APA KATA MEREKA:

Buletin Mutiara telah mendapatkan maklum balas awam mengenai usaha Kerajaan Negeri menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1.

Bagi **MOHD. HADZLE JOHARI**, 38, mudir sebuah madrasah menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Malah, beliau mencadangkan BKK kepada guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) supaya diperluaskan juga kepada guru-guru agama yang terlibat dalam program Kelas



SENARAI Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1.



MOHD. Hadzle Johari.

Al-Quran dan Fardu 'Ain (KAFA).

"Saya difahamkan bahawa bantuan tersebut hanya kepada guru-guru SAR sahaja, tidak termasuk guru-guru KAFA yang mengajar di 'Sekolah Agama Rakyat'.

"Justeru, memandangkan yang terjejas semasa PKP ini adalah guru-guru SAR, dicadangkan pakej bantuan prihatin rakyat yang diumumkan ini diperluaskan kepada guru-guru KAFA juga.

"Ini kerana, di SAR bukan sahaja ada guru agama, bahkan, guru agama yang hanya mengajar KAFA," jelasnya semasa sesi tinjauan umum tersebut.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa rata-rata gaji guru KAFA adalah kecil kira-kira RM1,050 sahaja sebulan (selepas ditolak bayaran caruman berwajib).

Mengikut pecahan, Mohd. Hadzle memberitahu bahawa RM1,000 gaji mereka dibayar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sementara baki RM150 dan RM50 lagi masing-masing 'ditambah' oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Kerajaan Negeri hari ini.

"Kalau ditanya kepada saya, sebelum PKP lagi, rata-rata golongan

asatizah terutama ustaz mempunyai lebih satu pekerjaan (selain menjadi guru KAFA).

"Sekiranya Kerajaan Negeri memperluaskan BKK secara 'one-off' RM500 kepada guru-guru KAFA juga, ia sangat dialu-alukan," ujarnya sambil memberitahu bahawa beliau telah menjadi tenaga pengajar KAFA kira-kira enam tahun.



MOHD. Hafiz Norazizan.

Nada yang sama turut dikongsi oleh seorang lagi guru KAFA, **MOHD. HAFIZ NORAZIZAN**, 36.

"Saya telah dipilih menjadi tenaga pengajar KAFA ini kira-kira enam tahun juga.

"Selain mengajar lima hari pada sebelah petang di SAR ini, saya ada kerja sampingan juga iaitu membuka kedai makan pada sebelah malam untuk menampung keperluan hidup sekeluarga.

"Sejak PKP 1.0, saya yakin ramai juga guru-guru agama yang ada lebih satu pekerjaan (selain menjadi guru KAFA) terjejas, tetapi masing-masing reda dan terus berusaha mengharungi keperahan ini.

"Dengan gaji RM1,050 sebulan, saya bersyukur dipilih Allah untuk menjadi guru KAFA... Alhamdulillah.

"(Dan), sekiranya diperluas Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 yang sebelum ini untuk guru-guru SAR di bawah JHEAIPP kepada guru-guru KAFA, sangat membantu mereka yang terjejas," jelasnya lagi.



NURUL Haniza Syafiqa Mohd. Halim.

Seorang lagi responden, **NURUL HANIZA SYAFIQA MOHD. HALIM**, 21, turut menyambut baik pengumuman Kerajaan Negeri untuk memberi BKK kepada guru-guru SAR.

"Pengumuman ini adalah simbol bahawa guru-guru agama di SAR juga turut menjadi perhatian para pembuat dasar dalam Kerajaan Negeri.

"Dan sudah tentu Kerajaan Negeri mahu memastikan tidak ada langsung guru-guru agama di SAR tercicir daripada menerima BKK ini.

"Jadi, saya menyambut baik pengumuman Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 ini, dengan cadangan penambahbaikan (iaitu) pemberian BKK diperluaskan kepada guru KAFA juga," jelasnya sambil memberitahu bahawa beliau telah menjadi guru KAFA selama lebih dua tahun.

Responden keempat, **FARZANA IDRIS**, 24, pula memberitahu bahawa beliau mengikuti pengumuman Pakej

Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 pada minggu lepas, namun tidak pasti sama ada guru KAFA turut akan mendapat BKK RM500 secara 'one-off' atau sebaliknya.

"Saya tidak pasti...ada yang kata guru KAFA yang mengajar di SAR akan dapat bantuan ini, ada yang kata tidak dapat.

"Kalau boleh, insentif kewangan itu diperluaskan kepada guru-guru KAFA yang terjejas juga," katanya lagi yang telah bertugas sebagai guru KAFA lebih dua tahun.



FARZANA Idris.

Responden kelima yang mahu dikenali sebagai **USTAZAH NOR** pula menyatakan bahawa dengan memperluaskan BKK RM500 secara 'one off' kepada guru-guru KAFA di SAR, sekali gus akan menjadi simbol penghargaan Kerajaan Negeri hari ini kepada guru-guru agama.

"Elok diperluaskan, kerana ia bukan sahaja membantu guru-guru KAFA, bahkan akan menyerlahkan lagi usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan tidak ada golongan yang terjejas semasa PKP, daripada tercicir dalam senarai penerima BKK," responsnya.



Nama ADUN	No Tel/ No Faks	Nama ADUN	No Tel/ No Faks	Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976	N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526	N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214	N.02 BERTAM YB Khalil Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131			N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745			N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlala.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871			N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028			N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim r21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464	DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514	N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhdmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442	PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163	-	(T)	N.01 PENAGA	(T)
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866			N.04 PERMATANG BERANGAN Rosli Hasan	(T) 010 - 468 5990
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868			N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068	POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732	DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA HOTLINE MBPP	103 101 04-263 7637 04-228 9012	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
N.09 BAGAN DALAM YB Satee A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 305 4962	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT) TOURISM MALAYSIA	04-263 1166 04-261 0058
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106	BIRO PENGADUAN AWAM	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-828 8880 04-210 2363 04-310 2377
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006	SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442	KASTAM	04-250 3419	STesen KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001	WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP BEFRIENDERS PENANG	04-829 4046 04-829 9511 04-281 5161 04-281 1108
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138	Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163	EPF	04-226 1000		
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungabakapn20@gmail.com	(T)	SOCJO	04-238 9888		
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614				
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451				
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294				
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523				
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhem@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630				
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422				
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611				
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airstamat@dappg.org	(T) 04 - 829 9143				
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062				
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)				



TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!



Oleh : AZMI HUSSAIN


**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2021**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390 04 - 507 5390
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397 04 - 399 6689
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaimani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Harryzan Yaakub	019 - 456 8484
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhammad Suzuki Ahmad	0111 - 1119 4419
Ng Yee Siang	010 - 562 2698
Ngoh Cheng Hai	017 - 979 0933
Noor Azuawati Ahmad	018 - 965 4559
Norly Masitah Mohamed Noor	013 - 582 2503
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Boon Sheng	016 - 447 8320
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Tan Bee Hong	019 - 458 8321
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Teh Chuann Yien	010 - 441 7749
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Nirmala	Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah		017 - 572 0272
4.	K. Viknesh Prabu	Seberang Perai Selatan		012 - 693 4786
5.	R. Thivyashri Naidu	Pentadbir Bahagian Kewarganegaraan		No. Pejabat 04 - 650 5556

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2021**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed	013 - 431 9384
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Chee How	012 - 470 3389
Lee Kim Noor	04 - 229 8382
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Muhamad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Quah Boon Lim	017 - 462 2431
Rodziah Abul Khassim	019 - 319 4840
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layari laman web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12101 AHMAD ARIFFUDIN BIN ABD RASHID - 85051607****	No Akaun Peminjam	: 12108 NUR AMIRA NATASHA BINTI HASNIZAL - 96111407****	No Akaun Peminjam	: 12129 GAUSALIA A/P SUBRAMANIAM - 90011007****	No Akaun Peminjam	: 12133 AIDI ZULKARNAIN BIN HJ MD NOR - 68092507****
Penjamin 1	: ROSLINA BINTI AHMED - 64010707****	Penjamin 1	: HASNIZAL BIN HASHIM - 74050507****	Penjamin 1	: RAMESH A/L KANDAN - 77082401****	Penjamin 1	: ROFIQOH BINTI SHAARI - 72081802****
Penjamin 2	: SITI ZAIMAH BINTI ABD RASHID - 87070735****	Penjamin 2	: HASRINIZAM BIN HASHIM - 75091713****	Penjamin 2	: KUMARAN A/L VISVANATHAN - 92033007****	Penjamin 2	: ROHAYA BINTI SHAARI - 61062203****
No Akaun Peminjam	: 12135 ONG GHEE CHYUAN - 89020207****	No Akaun Peminjam	: 12136 AISHAH BINTI SHARIFF - 70073007****	No Akaun Peminjam	: 12141 ROSIDA BINTI MOHD NOOR - 88071235****	No Akaun Peminjam	: 12154 MUHAMMAD SYUWARI BIN MANSOR - 96101607****
Penjamin 1	: LOO AI DEN - 61041407****	Penjamin 1	: SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****	Penjamin 1	: 2289 KAMPUNG CHANGKAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: 7142(C), JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: ONG MEI ZHEN - 86051935****	Penjamin 2	: ABDUL RAHMAN BIN SHARIFF - 71091107****	Penjamin 2	: NORAZLINA BINTI MOHD NOOR - 81051307****	Penjamin 2	: JOHARI BIN SAMUDIN - 79100607****
No Akaun Peminjam	: 12157 SYAZWAN ASRUL BIN SHARUDDIN - 94032207****	No Akaun Peminjam	: 12161 VIVEINDIRAN THEVAR A/L MANOHARAN - 93032807****	No Akaun Peminjam	: 12169 NUR ZAILIS BINTI ISHAK - 92031503****	No Akaun Peminjam	: 12172 SHAWN PANDIAN GUNALAN - 96071107****
Penjamin 1	: SHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN - 64050107****	Penjamin 1	: NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: 105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 2	: ZULKIFLI BIN MD KASSIM - 59102707****	Penjamin 2	: MANOHARAN A/L NAGAPAN - 62021707****	Penjamin 2	: NO.105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: GRACE RANJITHAM A/P P.A. SAMUEL - 68091307****
No Akaun Peminjam	: 12174 CHEW YUE XIANG - 90100907****	No Akaun Peminjam	: MAGANTHIRAN A/L NAGAPAN - 66120407****	No Akaun Peminjam	: MAZNIZA BINTI MAT SAAT - 75012803****	No Akaun Peminjam	: BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 1	: CHEW KAR KOON - 61102907****	Penjamin 1	: NO.2 JALAN BUNGA TANJUNG 1, OFF JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NO.7 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: REBEKAH SELVARANI A/P PASAMUEL - 71031107****
Penjamin 2	: CHEAH HOON HONG - 64032807****						: NO.1 PERSIARAN KOTA PERMAI 1, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 12178 NURFARAHIN BINTI ROSLI - 92022107****	No Akaun Peminjam	: 12182 NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 12172 SHAWN PANDIAN GUNALAN - 96071107****	No Akaun Peminjam	: 12172 SHAWN PANDIAN GUNALAN - 96071107****
Penjamin 1	: ROSLI BIN HARUN - 61060610****	Penjamin 1	: NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 2	: 82-7-9 TAMAN MEDAN PENAGA, BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NUR SYAZWANI BINTI ROSLI - 85122114****			Penjamin 2	: REBEKAH SELVARANI A/P PASAMUEL - 71031107****

Asia Green GROUP
imagine the future

QuayWest
RESIDENCE

- Berada di lokasi perbandaran dan strategi di Pulau Pinang.
- Kondominium mewah berhadapan laut
- Mempunyai 2 akses lift peribadi sampai depan pintu rumah
- Kolam Infinity dan deck tontonan atas bumbung dengan pandangan eksotik
- Mudah akses ke pelbagai institusi pelajaran, pusat kesihatan dan kemudahan lain-lain
- Akses ke pelbagai institusi pendidikan antarabangsa, pusat kesihatan dan kemudahan lain
- PEGANGAN BEBAS

*Rumah Contoh sedia dilawati



Li Hooi 016 - 478 3815 | Alicia 012 - 438 8821 | Kenneth 016 - 426 5089 | Chiah 017 - 584 6123

www.quaywest.com.my


T : +604 - 261 8316 / +04 - 262 2222 / +6010 - 222 3236

Triple Three Properties Sdn Bhd (1015511-R)

36A Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Georgetown, Penang

MENIKMATILAH GAYA HIDUP
KEISTIMEWAAN

kerana anda berhak.





Scan, Park & Pay atasi kesesakan kaunter berpusat

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

SEBERANG JAYA – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) baru-baru ini melancarkan kaedah pintar *Scan, Park & Pay* (imbas, parkir dan bayar) bagi mengurangkan kesesakan di kaunter berpusat.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa aplikasi pintar tersebut akan digunakan ketika berlaku kesesakan di kaunter utama.

"MBSP kini memperkenalkan satu opsyen baharu untuk membayar kompaun letak kereta, pembayaran cukai taksiran dan seawaan."

"Opsyen ini boleh dimanfaatkan semasa tempoh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kerana kita mahu kurangkan jumlah pengunjung yang datang ke kaunter berpusat yang mana hanya memerlukan tiga langkah, iaitu imbas kod QR melalui telefon pintar, sistem akan bawa ke portal MBSP Pay."

Seterusnya, pengguna boleh pilih untuk membayar kompaun, cukai atau seawaan dengan mengikut arahan seterusnya," ujarnya pada majlis pengumuman berkaitan di sini pada 16 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye dan Setiausaha Bandaraya bagi MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Melalui pelancaran tersebut, parkir khas turut disediakan oleh MBSP sambil dibantu oleh 'Pasukan Tanyalah Saya'.

Terkini, MPSB turut menyediakan perkhidmatan kiosk serta pasukan kaunter siber yang akan membantu pengguna kurang mahir menggunakan sistem dalam talian.



SALAH seorang pengguna menggunakan kaedah pintar *Scan, Park & Pay* hasil inisiatif khas MBSP.

Jagdeep dalam pada itu, menyambut baik pelancaran *Scan, Park & Pay* sebagai alternatif kepada pembayar cukai untuk mengurangkan kesesakan di kaunter berpusat.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak MBSP kerana sentiasa prihatin dan mengambil berat situasi semasa yang melanda rakyat dan warga negeri ini serta berusaha mempermudahkan urusan rakyat dengan MBSP."

"Pelaksanaan inisiatif-inisiatif pintar ini adalah suatu usaha berterusan MBSP dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan transformasi Negeri Pulau Pinang ke arah sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa," ujarnya.

(Sambungan dari muka 5).

SPH bantu bangun prospek perniagaan

"Sebagai peniaga pakaian wanita di Pasar Raya Giant dekat Bayan Baru, hasil jualan merosot lebih 50 peratus disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

"Dengan bantuan 'one-off' RM900 ini, saya anggap sebagai penghargaan daripada Kerajaan Negeri dan PDC kepada para peserta skim pinjaman mikro kredit SPH," ulasnya.

Seorang lagi penerima, A.A. SHAHJAHAN, 59, pula memuji kaedah pembayaran sumbangan secara EFT tanpa syarat permohonan yang payah.

"Saya adalah peniaga kecil di Pasar Chowrasta, ada membuat pinjaman mikro kredit SPH sebelum ini.

"Apabila berlaku PKP, perniagaan semakin mencabar tetapi (ejen pengutip pinjaman mikro kredit) PDC begitu membantu memudahkan urusan saya, ini saya puji."

"Seperkara lagi, ada 812 peminjam aktif yang dikenal pasti layak menerima bantuan khas ini, tidak perlu membuat permohonan berwajib untuk melayakkkan dapat bantuan khas ini, kaedah pembayaran secara EFT wajar dipuji juga," katanya.

Nada sama turut dikongsi oleh seorang lagi penerima, BEH SIEW CHENG, 49, yang merupakan usahawan salun kecantikan di Wisma Central, Jalan Macalister di sini.

"Saya membuka sendiri salun kecantikan, tetapi, buat masa sekarang tidak dibenarkan beroperasi lagi."

"Maka, dengan adanya bantuan khas secara 'one off' RM900 ini, boleh lega sedikit, terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan PDC kerana menghulurkan tangan kepada para peserta SPH yang aktif," ujarnya.

Selain itu, beliau turut memuji PDC kerana begitu mudah dan cepat memproses permohonan skim pinjaman mikro kredit tanpa faedah beliau pada tahun lepas, sebelum PKP 1.0.



MOHAMMAD Jamalulail Abdul Rahman.



A.A. Shahjahan.



BEH Siew Cheng.

Piagam Audit sebagai Pelan Anti Rasuah MBSP

SEBERANG JAYA – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) buat julung kalinya menganjurkan sambutan Hari Audit peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut dekat Menara Bandaraya dekat sini pada 23 Februari 2021.

Semasa berucap, Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa idea penganjuran tersebut tercetus berikutan semua jabatan di bawah PBT berkenaan telah berjaya mencapai tahap 5 Bintang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (*Accountability Index, AI*), secara 'self-auditing'.

"Pengiktirafan sewajarnya diberikan kepada jabatan dan pegawai yang bertanggungjawab di jabatan kerana mereka telah berjaya mewujudkan suasana kerja patuh peraturan terutama peraturan kewangan," jelasnya sebelum melancarkan Piagam Audit MBSP secara maya sempena Hari Audit MBSP 2021 di sini.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod, barisan Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan lain.

Di samping itu, Rozali berkata bahawa pentadbirannya berharap penganjuran Hari Audit MBSP tersebut turut menyemarak lagi kesedaran awam mengenai fungsi serta peranan audit dan juruaudit semasa pelaksanaan pengauditan secara dalaman organisasi.

"MBSP senantiasa menganggap juruaudit sebagai rakan strategik dalam pentadbiran MBSP, yang berkhidmat



SR. Rozali Mohamud (tengah) menunjukkan dokumen berkaitan ketika melancarkan Piagam Audit MBSP 2021 di sini baru-baru ini.

dalam memeriksa dan menilai aktiviti organisasi," ujarnya.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa MBSP juga pada tahun lepas telah menubuhkan Unit Integriti serta berjaya mewujudkan Pelan Anti Rasuah yang pertama dalam kalangan agensi kerajaan dalam negara.

"Pelan Anti Rasuah dan Piagam Audit UAD (Unit Audit Dalam) MBSP merupakan yang pertama diwujudkan dalam kalangan PBT Malaysia."

"Justeru, kesannya adalah rakyat dapat berurusan dengan Majlis secara lebih telus, cepat dan menjimatkan kos... (selain) mutu penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan," ulasnya.



Pengumpulan maklumat sempurnakan SIMP

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menerima sebarang injuksi sekatan atau pun perintah sekatan atau pun arahan berhenti kerja (*stop work order*) bagi melarang proses pengumpulan maklumat nelayan yang terlibat dengan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR), ujar Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Ahmad Zakiyuddin menegaskan bahawa proses rayuan kelulusan terhadap Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sama sekali tidak menjelaskan kerja (mengumpul maklumat) yang kini sedang dilakukan.

“Berhubung kenyataan bahawa projek PSR tidak harus berjalan selagi rayuan kelulusan EIA masih belum selesai, sekali lagi ditegaskan bahawa proses (rayuan) tersebut tidak menjelaskan kerja yang akan dijalankan kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak menerima sebarang larangan untuk berbuat demikian,” ujarnya pada sidang media di sini 24 Februari lalu.

Dalam pada itu, Ahmad



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) dan Farizan Darus (kiri sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Zakiyuddin yang juga Pengurus Jawatankuasa Taskforce Nelayan Pulau Pinang melahirkan rasa kesal dengan tindakan sesetengah pihak yang sengaja menimbulkan kekeliruan dan ketakutan kepada pihak nelayan hingga maklumat sebenar tidak diterima.

“Malah, didapati ada pihak-pihak tertentu mengugut nelayan yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri bahawa mereka tidak akan disokong untuk pembaharuan lesen perikanan dan permit bagi

mendapatkan bantuan sara hidup.

“Oleh itu, bagi mendapatkan maklumat yang sahih lagi tepat, saya menyarankan Ketua-ketua Unit Nelayan dari kawasan selatan Pulau Pinang untuk mengaturkan perjumpaan dengan pihak Kerajaan Negeri dalam masa terdekat bagi mendengar pandangan mereka, malah kita juga tiada halangan untuk menguruskan perjumpaan tersebut dengan syarat Ketua Unit bersetuju untuk hadir ke sesi

pertemuan berkenaan,” tegas beliau.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICS), Dato' Seri Farizan Darus; Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), M. Maheswari dan wakil SRS Consortium selaku rakan pelaksana projek (PDP).

Difahamkan sehingga 23 Februari lalu, hanya 423 nelayan tampil membuat pendaftaran di

Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) daripada keseluruhan seramai 1,615 orang.

Menjelas lanjut, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa proses pengumpulan maklumat nelayan berkaitan adalah bertujuan untuk membolehkan para nelayan memberikan maklum balas secara terus kepada Kerajaan Negeri tanpa melalui orang tengah.

“Selain mendengar maklum balas mereka berhubung pakej tawaran saguhati di bawah skim cadangan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), pendaftaran ini juga membolehkan maklumat nelayan dan keluarga mereka termasuk anak-anak dikemasuki.

“Pengumpulan maklumat ini adalah penting untuk membolehkan Kerajaan Negeri menyempurnakan pelaksanaan SIMP,” tambahnya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan kerja tambakan laut untuk pelaksanaan PSR dijangka bermula pada hujung Mac hingga awal April depan selepas kelulusan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) diperoleh.

Gelanggang futsal Taman Tun Sardon siap dibaik pulih

SERI DELIMA – Komuniti di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima kini boleh menarik nafas lega ekoran gelanggang futsal dekat Taman Tun Sardon telah siap dibaik pulih sepenuhnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata bahawa kerja baik pulih yang menelan kos RM198,720.98 itu dimulakan pada 3 November 2020 dan siap pada 15 Disember 2020.

“Tahun lepas, saya bersama-sama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee telah membuat lawatan dan mendapat keadaan adalah agak daif dengan keadaan

lantai rosak, air bertakung, lantai berlumut, dipenuhi sampah-sarap serta lain-lain.

“Justeru, saya mencadangkan kepada beliau untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih untuk keselesaan komuniti di sini dan ianya berhasil.

“Dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Soon (Lip Chee) yang memberikan peruntukan, Pejabat Daerah Timur Laut selaku pelaksana projek dan kontraktor terlibat,” katanya pada majlis penyerahan gelanggang futsal tersebut kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu bagi kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib dan Pengurus MPKK Taman Tun Sardon, Mohd. Hafiz Abdul Aziz.

Bercakap kepada media, Lip Chee memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian khas kepada kemudahan asas sukan sama ada di bandar maupun luar bandar.

“Tidak kira di bandar atau kampung, kita perlu pastikan kemudahan sukan perlu berada pada tahap terbaik bagi membolehkan anak-anak kita mencapai tahap yang tinggi dalam bidang sukan-sukan berkaitan,” ujarnya yang juga ADUN Bagan Jermal.



SOON Lip Chee (lima dari kanan), Syerleena Abdul Rashid (lima dari kiri), barisan jemputan dan pihak-pihak berkaitan merakam gambar kenangan sejurus lawatan ke gelanggang futsal Taman Tun Sardon yang siap dibaik pulih di sini baru-baru ini.



f [penanglawancovid19](#)
t [t.me/penanglawancovid19](#)
globe [penanglawancovid19.com](#)





PSR demi kepentingan generasi akan datang

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

PADA 5 Februari 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pemberian saguhati kepada 1,615 nelayan membatikan sembilan unit nelayan yang berada dalam lingkungan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR).

Turut diumumkan adalah skim cadangan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang membatikan pemberian wang tunai sebanyak RM20,000 secara berperingkat kepada tekong daripada empat unit nelayan (Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul), bot berkepanjangan 27 kaki persegi berserta enjin berkuasa kuda 60 atau 75 bagi memenuhi keperluan tekong meneruskan aktiviti tangkapan. Manakala, awak-awak pula menerima RM12,960 secara berperingkat.

Bagi lima unit nelayan lain (Seri Jerjak, Batu Maung, Teluk Tempoyak, Pulau Betong dan Kampung Sungai Burong) tekong menerima RM13,200 secara berperingkat dan awak-awak sebanyak RM 5,400 secara berperingkat.

Selain itu, SIMP turut mencadangkan pembinaan empat buah jeti baharu dengan sebuah jeti serba guna di Permatang Tepi Laut yang berpotensi dibangunkan sebagai lokasi tarikan pelancongan.

Difahamkan, bayaran pendahuluan akan dibuat (mulai Mac 2021) setelah para nelayan terlibat mendaftarkan maklumat dan butiran peribadi di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul yang telah bermula sejak 8 Februari 2021.

Salah seorang nelayan yang telah membuat pendaftaran, **RASHID AHMAD**, 68, berkongsi pandangan bahawa pemberian saguhati oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tekong seperti adalah peluang yang baik.

Menurutnya, para nelayan masih boleh meneruskan pekerjaan mereka meskipun projek PSR dimulakan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan nelayan yang ada pada hari ini menjalankan aktiviti penangkapan jauh dari kawasan tapak projek.

"Macam dakwaan semasa jambatan kedua (Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah) dibina dahulu."

"Ada pihak yang memberitahu nelayan tidak boleh ke laut kerana ikan-ikan telah tiada, tetapi sekarang ini tengok...tiang-tiang jambatan sudah menjadi tukun, nelayan kebanyakannya ke sana untuk menangkap ikan," ujar beliau yang menyangkal dakwaan bahawa nelayan tidak boleh ke laut untuk mencari makan setelah penambakan bermula.

Beliau yang pernah menjadi jurulatih silat dan muay thai serta menyertai rombongan anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ke Australia sekitar tahun 70-an telah cuba menerangkan kebaikan PSR kepada rakan-rakan



ILUSTRASI grafik tiga pulau PSR.

nelayan lain namun ramai yang tidak bersetuju dengannya.

"Saya buat (memberi penerangan kepada nelayan lain) apa yang saya rasa logik kerana Pulau Pinang bukanlah negeri pertanian, kita (Pulau Pinang) negeri perindustrian dan pelancongan dan memerlukan pembangunan. "Kita (nelayan) sering kata

tak mahu anak-anak kita buat pekerjaan susah. Kita mahu melihat mereka (anak-anak) belajar sampai ke universiti jadi cikgu, arkitek, jurutera, peguam atau ahli profesional lain.

"Ada juga dalam kalangan nelayan yang tidak tahu membaca apatah lagi menonton televisyen...jadi sukar untuk saya bercakap dengan mereka.

"Walaupun ada yang marah, saya tetap dengan pendirian untuk menyokong pelaksanaan projek PSR ini demi pembangunan Pulau Pinang dan masa depan anak-anak saya," jelasnya yang juga berkongsi kisah susah beliau membiayai pendidikan anak-anaknya dahulu sehingga memaksa beliau melakukan kerja sambilan.

Bagi **GOH AH PIAU**, 69, ramai rakan-rakan nelayan khasnya di Gertak Sanggul menyokong projek PSR berkaitan kerana yakin ia akan membawa pembaharuan kepada kawasan perairan selatan Pulau Pinang.

"Lagipun, sekiranya ada pembangunan mesti akan mewujudkan peluang pekerjaan terutama kepada generasi yang akan datang.

"Projek ini akan membangunkan kawasan industri baharu dan saya memahami keperluan projek ini kerana tiga anak saya bekerja di kilang.

"Kalau tiada tanah, kilang tidak dapat dibina. Tanpa kilang, tiada tawaran pekerjaan yang baik untuk anak cucu pada masa depan," katanya yang berharap generasi emas kini perlu



ILUSTRASI grafik hasil pembangunan PSR.

memikirkan kepentingan pembangunan untuk generasi akan datang.

Sebagai rekod, projek PSR yang berkeluasan 1,740 hektar itu secara keseluruhannya akan dibangunkan sebagai kawasan pembangunan strategik dan mampan bagi perindustrian berteknologi tinggi, membangunkan bandar raya pintar, mewujudkan lebih 300,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2050 serta menghasilkan kawasan baharu untuk projek komersil, perumahan dan pelancongan.

Turut berkongsi pandangan ialah **MOHD. ISMAIL LAI ABDULLAH**, 74, yang juga menyokong projek PSR.



GOH Ah Piao.



MOHD. Ismail Lai Abdullah.

Menurut beliau, nelayan di selatan perairan Pulau Pinang tidak hanya menangkap ikan di kawasan yang bakal menjadi tapak tambakan.

"Nelayan sekarang telah pergi jauh (dari lokasi tambakan) untuk menangkap ikan.

"Jadi kalau penambakan bermula sekarang, saya rasa tidak ada masalah...lagipun tak perlu membantah kerana projek ini akan menjana kerja sambilan lain untuk anak cucu kita.

"Lagipun, saya dah lanjut usia, mungkin tidak sempat melihat perkembangan projek ini sampai selesai. Saya harap cucu-cucu akan menerima manfaat (daripada projek PSR) kelak," responsnya yang turut berkongsi kisahnya sebagai nelayan.